

PERANAN LEMBAGA TABUNG HAJI UNTUK MENINGKATKAN EKONOMI DAN PERKHIDMATAN HAJI ORANG MELAYU 1969–1984

(The Role of Lembaga Tabung Haji in Enhancing the Economic Situation of the Malays and Hajj Services between 1969 and 1984)

Aiza Maslan@Baharudin
aizamaslan@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia.

Abstrak

Makalah ini meneliti peranan Lembaga Tabung Haji (LTH) dalam usaha meningkatkan ekonomi dan perkhidmatan haji orang Melayu. Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kajian kepustakaan, khususnya *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji*. Penubuhan LTH memberikan kemudahan kepada orang Melayu menyimpan wang secara berdikit-dikit untuk menunaikan ibadah haji tanpa perlu menjual harta benda dan mengalami kesempitan hidup sekembali dari Tanah Suci Makkah. Lembaga Tabung Haji bukan sahaja bertanggungjawab memelihara kebajikan jemaah haji dari aspek kesihatan, pengangkutan dan penginapan tetapi juga berusaha melindungi jemaah haji daripada sebarang bentuk penipuan dan eksploitasi daripada pelbagai pihak. Pengalaman orang Melayu mengalami pelbagai kesulitan untuk merealisasikan cita-cita mereka menunaikan ibadah haji turut mengalami perubahan secara beransur-ansur dengan pelaksanaan sistem pengurusan haji yang lebih sistematik dan teratur.

Kata kunci: Lembaga Tabung Haji, orang Melayu, Makkah, ibadah haji, ekonomi

Abstract

This paper examines the role of the Pilgrims Fund Board (Lembaga Tabung Haji, or LTH) in its efforts to improve the economy, and hajj services for the Malays. The

study is conducted through literature review, particularly the Annual Reports of the Pilgrim Fund Board. LTH was established to facilitate the Malays to gradually save money for the purpose of performing the hajj without the need to sell off property and thereby suffer hardship upon returning home from the Holy Land of Mecca. LTH is not only responsible for the welfare of the pilgrims in terms of health, transportation and accomodation but also the protection of the pilgrims from fraudulent practices and exploitation by unscrupulous parties. In the past, the Malays faced various difficulties in their endeavour to perform the hajj but with improved and more systematic hajj pilgrimage management, there was a gradual change for the better.

Keywords: Lembaga Tabung Haji, Malays, Mecca, hajj, economy

PENDAHULUAN

Sehingga pertengahan abad ke-20, ketidakstabilan ekonomi antara kumpulan etnik di Malaysia merupakan suatu gejala yang amat membimbangkan. Kajian yang dilakukan oleh David Lim (1973:55) menunjukkan sehingga tahun 1957, hampir 70 peratus masyarakat luar bandar terdiri daripada orang Melayu dan 64 peratus daripada mereka mempunyai pendapatan kurang daripada RM128.00 sebulan berbanding dengan 14 peratus masyarakat Cina dan 18 peratus masyarakat India. Rata-rata orang Melayu luar bandar memperoleh pendapatan dengan melibatkan diri dalam sistem ekonomi yang berasaskan pertanian. Pada tahun 1947, lebih kurang 88 peratus pesawah terdiri daripada orang Melayu. Menurut bancian pertanian pada tahun 1960 pula, 59 peratus daripada tanah pertanian adalah kurang daripada empat ekar dan lebih 90 peratus kurang daripada 10 ekar. Bagi tanah sawah, 54 peratus daripada tanah sawah adalah kurang daripada $2\frac{3}{4}$ ekar dan 97 peratus kurang daripada 10 ekar. Lebih 80 peratus tanah sawah tidak dimiliki oleh pesawah sendiri (David Lim, 1973:53, 57).

Ekoran itu, masalah kemiskinan orang Melayu luar bandar, kaedah penyimpanan wang orang Melayu dan kesannya terhadap pembangunan ekonomi negara disuarakan oleh Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz dalam kertas kerja yang berjudul "The Mobilization of Rural Savings" dalam Persidangan Suruhanjaya Ekonomi Asia dan Timur Jauh (ECAFE) di Bangkok pada tahun 1952 (Zainal Abidin, Yusof dan Mohd. Amin, 1993:70). Ungku Abdul Aziz (1962) yang banyak menjalankan kajian tentang kemunduran ekonomi luar bandar berpendapat bahawa kaedah penyimpanan wang orang Melayu secara tradisional amat merugikan dan memberikan kesan negatif kepada individu dan struktur ekonomi luar bandar. Penolakan terhadap riba

merupakan penyebab utama yang menghalang orang Melayu melibatkan diri dalam sistem perbankan konvensional.

Pengarah Jabatan Pos dan Telegraf Tanah Melayu pada tahun 1920 dalam kenyataannya mendedahkan keengganan orang Melayu mendeposit wang di bank untuk menerima sebarang bentuk faedah (Lim Teck Ghee, 1977:241). Perkara tersebut berkait rapat dengan pegangan orang Melayu yang sentiasa memastikan bahawa wang yang akan dibelanjakan untuk tujuan haji “bersih” dan “suci”, serta bebas daripada sebarang unsur riba kerana wang simpanan tersebut akan dibelanjakan ke jalan Allah SWT dan untuk beribadah¹. Oleh itu, mereka lebih cenderung untuk menyimpan wang di bawah bantal dan tilam; di celah atap, papan lantai dan dinding; serta di dalam tempayan yang ditanam di dalam tanah. Simpanan yang ada akan digunakan bagi membeli tanah, ternakan dan barang kemas yang akan dijual apabila “sudah sampai seru” untuk ke Tanah Suci. Menurut Ungku Abdul Aziz, kaedah penyimpanan sebegini tidak lagi sesuai dalam era 1950-an, malahan boleh mengakibatkan kerugian apabila berlaku kecurian, kebakaran, kematian ternakan dan kenaikan kadar cukai tanah (Nancy Nash, 1978:34).

Selain itu, keadaan segelintir jemaah haji yang menghadapi masalah kewangan sekembalinya ke tanah air setelah menyempurnakan ibadah haji turut mendapat perhatian banyak pihak. Pada tahun 1951, Pegawai Daerah Kerian, Hashim bin Mat Deris pernah menyarankan agar jemaah haji diwajibkan menjadi ahli syarikat kerjasama tempatan dengan wang taruhan sebanyak RM250.00. Wang berkenaan hanya akan dikembalikan setelah jemaah haji melunaskan segala hutang piutang sekembalinya dari Makkah. Cadangan berkenaan dibuat bertujuan menghindari masalah ketiadaan wang dalam kalangan jemaah haji selepas kembali ke tanah air. Walau bagaimanapun, Raja Muda Musa bin Raja Mahadi dari Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu, Perak berpendapat bahawa syarat yang lebih tegas perlu dilaksanakan bagi memastikan bahawa hanya individu yang berkemampuan dari segi kewangan dibenarkan menunaikan haji (Zainal Abidin, Yusof dan Mohd. Amin, 1993:74–75).

SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu pada peranan LTH dari tahun 1969 hingga tahun 1984. Tempoh tersebut dipilih kerana LTH telah ditubuhkan pada tahun 1969 di bawah Akta 8, Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji, hasil gabungan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji dengan Pejabat Kawalan Haji yang diluluskan di Dewan Rakyat pada 13 Februari 1969. Tahun 1984 pula merupakan titik perubahan dalam pengurusan hal ehwal haji orang Melayu apabila Sistem Syeikh yang merupakan nadi penggerak

utama institusi haji selama berpuluh-puluh tahun dan hampir seusia dengan ibadah haji telah dimansuhkan dan digantikan dengan Sistem Muassasah. Sistem Syeikh sebenarnya sudah sebatu dengan proses pemergian orang Melayu menunaikan ibadah haji ke Tanah Suci Makkah. Peranan syeikh haji amat penting untuk memastikan kelancaran proses mengerjakan ibadah haji, terutamanya bagi orang Melayu yang pertama kali meninggalkan tanah air untuk menunaikan ibadah haji. Sistem Muassasah yang menggantikan Sistem Syeikh pula merupakan sebuah badan atau lembaga yang ditubuhkan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk menggabungkan syeikh-syeikh haji yang sebelum itu berkhidmat secara individu. Tujuan sistem ini diwujudkan adalah untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada jemaah haji. Jemaah haji Malaysia telah diletakkan di bawah pengendalian pihak Muassasah Asia Tenggara.

USAHA LEMBAGA TABUNG HAJI MEMPERBAIK EKONOMI ORANG MELAYU

Pada sekitar tahun 1960-an dan 1970-an, kebanyakan masyarakat Melayu luar bandar tidak mempunyai sebarang bentuk simpanan dalam sistem kewangan kebangsaan. Penubuhan LTH berjaya menggerakkan masyarakat Melayu, terutamanya di luar bandar untuk menyimpan wang secara beransur-ansur bagi perbelanjaan haji, sekali gus menyertai program pembangunan negara. Lembaga Tabung Haji turut berperanan mengubah sikap dan pandangan orang Melayu terhadap kaedah penyimpanan tradisional dan pemecahan tanah, sekali gus meningkatkan pengetahuan orang Melayu tentang tunai.² Hasilnya, sumber yang sebelum ini disimpan dan disorok oleh orang Melayu dalam bentuk aset beku telah berjaya dilabur dan dikembangkan. Penyimpanan dalam bentuk aset beku semakin berkurangan dan, penjualan tanah dan harta semakin ditinggalkan, terutamanya oleh golongan muda (McDonnell, 1986:491, 539).

Perkembangan pesat LTH dapat dilihat daripada perkembangan jumlah pendeposit dan deposit seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Daripada 1281 orang pendeposit dengan jumlah deposit RM46 600 00 pada tahun 1963, LTH mempunyai 743 223 orang pendeposit menjelang tahun 1984 dengan jumlah deposit terkumpul mencecah RM1243.8 juta. Buat julung kalinya, LTH berjaya mengatasi angka RM200 juta setahun dengan mendapat kutipan deposit sebanyak RM209.5 juta pada tahun 1984 berbanding dengan RM196 juta pada tahun sebelumnya dengan 133 377 orang pendeposit baharu. Sepanjang penubuhannya, terdapat peningkatan jumlah pendeposit dan deposit dalam kalangan umat Islam, terutamanya orang Melayu kecuali pada tahun 1975 dan 1976.³ Pada tahun 1984, LTH telah melabur secara langsung dalam 73

buah syarikat dengan keuntungan jualan saham berjumlah RM7.4 juta dan RM27.9 juta kutipan dividen (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*).

Jadual 1 Jumlah pendeposit dan deposit baharu, 1969–1984.

Tahun	Pendeposit	Deposit
1969	7100	RM 7 juta
1970	12 400	RM9.4 juta
1971	12 900	RM10.7 juta
1972	23 900	RM18.4 juta
1973	42 000	RM29.4 juta
1974	82 600	RM51.7 juta
1975	35 800	RM42.7 juta
1976	15 500	RM22.8 juta
1977	27 100	RM26.9 juta
1978	30 600	RM47.8 juta
1979	34 700	RM68.8 juta
1980	51 600	RM108.4 juta
1981	58 400	RM150.3 juta
1982	66 400	RM182.7 juta
1983	75 100	RM195.9 juta
1984	133 400	RM209.5 juta

(*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji, 1977–1984 dan Radiah, 1991:146*)

Perkembangan yang begitu menggalakkan merupakan hasil kempen berterusan yang dilancarkan oleh LTH, terutamanya di kawasan luar bandar sejak tahun 1972. Setiap negeri diarah melancarkan kempen secara meluas bagi mendapatkan ahli baharu dan meningkatkan jumlah deposit. Kempen yang dijalankan bebas mengikut sesebuah negeri dan bergantung pada kebijaksanaan pengurus negeri. Pada tahun 1974, kempen diperluas ke masjid, sekolah, sektor kerajaan dan sektor swasta. Kejayaan kempen tersebut amat memberangsangkan dengan pembukaan pejabat cawangan LTH di 12 buah negeri (Radiah, 1991:45). Kerjasama turut diberikan oleh

Jabatan Agama Islam Negeri, Kementerian Pelajaran, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Buruh bagi menjayakan kempen berkenaan. Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Buruh telah mengeluarkan surat pekeliling yang membolehkan umat Islam di sektor kerajaan, badan berkanun dan swasta membuat caruman melalui potongan gaji pada setiap bulan. Bagi mendapatkan perolehan hasil yang maksimum, lawatan ke sektor berkenaan dilakukan secara berjadual (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1983*).

Bagi memperluas kempen yang dilaksanakan, LTH telah mengambil inisiatif mewujudkan kereta penerangan yang dilengkapi dengan pemandu, mesin wayang gambar dan filem bercorak keagamaan bagi enam buah negeri, iaitu Selangor, Kedah, Johor, Kelantan, Terengganu dan Pahang mulai tahun 1977. Pada tahun 1979, sebuah filem berjudul *Menyahun Lambaian Kaabah* yang dihasilkan dengan kerjasama Filem Negara Malaysia telah ditayangkan di kampung-kampung selepas solat maghrib bagi mempromosikan penyimpanan melalui LTH. Pendaftaran baharu dan deposit permulaan dikutip sebaik-baik sahaja selesai tayangan. Kemudahan tersebut bertujuan menyebar luas maklumat tentang penyimpanan di LTH bagi menarik lebih ramai orang Melayu menyertai LTH (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1977*).

Lembaga Tabung Haji turut mengambil langkah mencetak risalah yang memberikan penerangan tentang LTH dalam edisi Jawi dan Rumi, serta diedarkan ke sekolah, sektor kerajaan dan orang ramai pada tahun 1979 (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1979*). Naskhah bulanan *Berita Tabung Haji* juga telah ditambah dari semasa ke semasa bagi meluaskan lagi pengedarannya.⁴ Selain itu, kempen melalui perkhidmatan pos turut juga diadakan. Risalah berjudul “Bagaimana Anda Boleh Menjadi Penyimpan di Tabung Haji?” diedarkan kepada orang Melayu berdasarkan nama yang tercatat dalam *Buku Panduan Telefon 1983* melalui pos. Hasil kempen tersebut, sebilangan besar orang Melayu memulakan simpanan mereka melalui Skim Potongan Gaji untuk Diri dan Keluarga. Penerangan melalui khutbah Jumaat juga diadakan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Seruan agar orang Melayu menyimpan wang di LTH yang disampaikan melalui khutbah Jumaat dibacakan serentak di seluruh masjid Wilayah Persekutuan pada bulan November 1983. Risalah dan bahan penerangan turut diberikan kepada semua imam masjid untuk diedarkan kepada sidang Jumaat (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1983*).

Dalam usaha menggalakkan penyertaan orang Melayu, LTH telah mengambil inisiatif melaksanakan beberapa strategi pemasaran dari semasa ke semasa. Antaranya termasuklah mewujudkan Skim Potongan Gaji untuk Diri dan Keluarga yang diperkenalkan pada tahun 1977. Melalui skim tersebut, pendeposit boleh menyimpan melalui kaedah potongan gaji pada setiap bulan untuk isteri, anak atau

ibu bapa (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1977*). Lembaga Tabung Haji sangat menitikberatkan keahlian melalui skim berkenaan kerana skim berkenaan merupakan simpanan tetap bulanan untuk jangka waktu panjang. Tahun 1984 telah dipilih sebagai Tahun Potongan Gaji apabila kempen mencari ahli baharu melalui skim tersebut telah diperhebat. Skim Simpanan Pelajar pula telah dilancarkan pada 8 Mac 1984 yang bertujuan menggalakkan pelajar pada peringkat sekolah mengamalkan tabiat berjimat cermat dan gemar menabung untuk masa depan mereka melalui tabung simpanan kanak-kanak. Pada peringkat permulaan sebanyak 20 000 buah tabung percuma diberikan kepada pelajar di seluruh negara yang menjadi ahli dengan jumlah simpanan tidak kurang daripada RM5.00 dan sambutan yang diterima amat menggalakkan (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*).

Bagi memudahkan pelanggannya, deposit boleh dilakukan melalui pejabat LTH daerah dan negeri di seluruh Malaysia, pejabat pos, kiriman pos ke ibu pejabat LTH, dan pemindahan telegraf (Zainal Abidin, Yusof dan Mohd. Amin, 1993:313). Namun begitu, peranan pejabat pos sebagai agen kutipan semakin merosot jika dibandingkan pada tahun 1970-an. Keadaan tersebut adalah disebabkan oleh penubuhan pejabat cawangan LTH di setiap negeri dan daerah. Pendeposit lebih selesa untuk ke pejabat cawangan LTH kerana mereka boleh mendapatkan jawapan secara langsung tentang sebarang masalah yang melibatkan LTH (Radiah, 1991:148–49).

Selain itu, LTH turut mengambil langkah memberikan hadiah galakan berupa beg baju dan beg dokumen kepada pendeposit yang mempunyai jumlah deposit tertinggi pada setiap akhir tahun sejak tahun 1977 dalam usaha menarik lebih ramai orang Melayu menyimpan dalam LTH. Pada tahun 1982, LTH telah memperuntukkan sejumlah 1900 buah beg sandang kepada pengurus setiap negeri sebagai hadiah galakan kepada pendeposit. Buat pertama kali pada tahun 1983, setiap bakal haji yang berjaya mencapai jumlah deposit sasaran yang ditetapkan telah diberikan pinjaman sebanyak RM500.00 sebagai perbelanjaan haji (McDonnell, 1986:496).⁵ Pada tahun yang sama juga, pendeposit yang mempunyai deposit melebihi RM500 ribu dihadiahkan sekeping tiket umrah oleh Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1983*). Lembaga Tabung Haji turut mengeluarkan surat penghargaan kepada pendeposit yang mempunyai deposit melebihi RM5000. Sebanyak 317 pucuk surat telah dikeluarkan pada tahun 1980 dan bilangan tersebut meningkat kepada 1019 pucuk surat pada tahun berikutnya (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1980* dan *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1981*).

Kemudahan yang ditawarkan merupakan daya tarikan utama bagi sesebuah institusi untuk menarik pelanggan. Salah satu daya tarikan utama LTH ialah kemudahan perkhidmatan pembayaran zakat harta dan perniagaan yang ditawarkan

ke atas simpanan pendeposit hasil pelaburan dan harta yang diniagakan, serta segala keuntungan daripadanya. Majlis Fatwa Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah mengeluarkan fatwa pada tahun 1979 mewajibkan LTH membayar zakat berkenaan. Lembaga Tabung Haji mula membayar zakat kepada Jabatan Agama Islam Negeri mulai tahun 1980 berdasarkan baki simpanan pendeposit mengikut negeri. Sebanyak RM2.8 juta telah dibayar kepada Jabatan Agama Islam seluruh Malaysia pada tahun 1983 (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1983*). Pembayaran zakat oleh LTH telah banyak membantu golongan fakir dan miskin, serta memberikan peluang kepada LTH menjalankan projek ekonomi yang bertujuan memperbaiki kedudukan sosioekonomi orang Melayu (Joni Tamkin dan Che' Zarrina, 2005:223).

Sesuai dengan tujuan penubuhan LTH, bakal haji yang mendaftar untuk menunaikan haji tidak dibenarkan mengeluarkan wang simpanan dalam tempoh enam bulan sebelum berangkat ke Tanah Suci, tetapi boleh berbuat demikian di Tanah Suci. Peraturan tersebut adalah untuk memastikan matlamat LTH, iaitu membolehkan ahlinya menyimpan untuk tujuan haji tercapai (Joni Tamkin dan Che' Zarrina, 2005:224). Bagi pendeposit yang meninggal dunia, deposit mereka akan diserahkan kepada penama yang diamanahkan mengikut hukum syarak. Sekiranya tiada penamaan dibuat, pembayaran akan diserahkan kepada sesiapa yang ditentukan oleh surat kuasa yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah, pejabat tanah atau daerah, pejabat pentadbiran pesaka, atau mahkamah tinggi (Zainal Abidin, Yusof dan Mohd. Amin, 1993:316).

Dalam usaha untuk mendapat kepercayaan sepenuhnya daripada orang Melayu, LTH mengambil dasar hanya akan melibatkan diri dalam pelaburan yang menjanjikan kadar pulangan sekurang-kurangnya 10 peratus dengan syarat pelaburan tersebut tidak bertentangan dengan prinsip Islam. Bagi memastikan LTH melibatkan diri dalam pelaburan yang halal, antara pendekatan yang diambil termasuklah merujuk segala aktiviti pelaburannya kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) kerana LTH tidak mempunyai majlis penasihatnya sendiri. Lembaga Tabung Haji berjaya menjadi salah sebuah badan korporat yang terulung di Malaysia walaupun mempunyai batasan sebagai sebuah institusi kewangan yang menjalankan urus niaga yang menghindari riba. Penyimpangan daripada prinsip syariah juga mendorong LTH mengambil tindakan mengeluarkan sahamnya daripada syarikat tertentu. Umpamanya, pada sekitar tahun 1970-an dan 1980-an, LTH telah mengeluarkan pelaburannya daripada dua buah syarikat, iaitu Bousted Holdings Limited dan Hotel Rasa Sayang kerana terlibat dengan aktiviti yang tidak berlandaskan prinsip syariah seperti penjualan arak (Joni Tamkin dan Che' Zarrina, 2005:231).

Perkembangan pesat LTH juga dapat dilihat dengan peningkatan kadar bonus yang diberikan kepada pendeposit daripada 3 peratus pada tahun 1965 kepada 8.5 peratus pada tahun 1984 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, hasil kepercayaan pendeposit dan kematangan LTH dalam bidang pelaburan. Kadar bonus yang tinggi telah menarik lebih ramai orang Melayu menyertai LTH. Bonus merupakan satu kaedah yang diperkenalkan oleh LTH dalam usahanya menghindari masalah riba yang diharamkan oleh Islam. Lembaga Tabung Haji menggunakan prinsip perkongsian dan tertakluk pada keuntungan pelaburan sepanjang tahun. Kadar keuntungan ditentukan oleh kerajaan pada setiap tahun setelah memperoleh laporan kewangan LTH (Zainal Abidin, Yusof dan Mohd. Amin, 1993:183).

Jadual 2 Kadar keuntungan dan bonus yang diberikan oleh LTH 1976–1984.

Tahun	Kadar	Bonus (%)
1976	RM3.6 juta	7
1977	RM3.9 juta	7.5
1978	RM4.8 juta	7.5
1979	RM5.7 juta	8
1980	RM7.5 juta	8.5
1981	RM10.3 juta	9
1982	RM12.7 juta	8
1983	RM15.2 juta	8.5
1984	RM34.5 juta	8.5

(Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1979; Misbaha, 1986:312;
Zainal Abidin, Yusof dan Mohd. Amin, 1993:173–74)

Setelah dua dekad penubuhannya, LTH telah berjaya menyelamatkan orang Melayu daripada bebanan hutang. Banyak harta orang Melayu telah berjaya diselamatkan daripada terjual dan tergadai. Sebelum penubuhan LTH, orang Melayu yang hendak menunaikan haji sanggup menggadaikan tanah, menjual ternakan dan barang kemas, memajak rumah, dan berbagai-bagai cara lagi demi mendapatkan pembiayaan ke Makkah. Akibat tanah tidak tertebus dan harta terjual tidak berganti, orang Melayu yang selesai menunaikan haji menghabiskan hidup dengan beribadah tanpa menghiraukan urusan duniawi. Walau bagaimanapun, suasana negatif seumpama ini semakin terhakis setelah kerajaan menubuhkan LTH (*Utusan Melayu*, 11 November 1977).

Lembaga Tabung Haji menjamin perlindungan terhadap setiap ringgit yang disimpan oleh pendeposit daripada sebarang risiko kebakaran dan kecurian. Peranan LTH yang paling utama adalah dengan berusaha memastikan bahawa orang Melayu tidak lagi perlu menjual harta mereka pada harga yang rendah pada saat akhir apabila mereka berhajat untuk menunaikan haji (Abdul Kadir, 1982:69 dan Awang Had, 1975:75–76). Orang Melayu tidak lagi perlu menyimpan seumur hidup untuk menunaikan haji kerana penubuhan LTH membantu merancang perjalanan haji dan mempercepat hasrat mereka untuk menunaikan haji. Mereka juga tidak perlu lagi hidup dalam kemelaratan sekembalinya daripada menunaikan haji (McDonnell, 1986:539–41).

Usaha Lembaga Tabung Haji Menambah Baik Perkhidmatan Haji

Jemaah haji Malaysia hari ini mendapat perkhidmatan yang lebih baik dengan penubuhan LTH. Segala urusan berhubung dengan pemergian orang Melayu ke Makkah untuk mengerjakan haji berjalan dengan lebih lancar, teratur, sempurna dan sistematik berbanding dengan jemaah haji pada zaman awal. Demi menyediakan jemaah haji yang lebih berilmu, LTH telah menganjurkan Kursus Haji Bersiri diikuti dengan Kursus Haji Intensif selama dua hari di masjid, surau, dewan orang ramai, sekolah atau bangunan LTH di sekitar daerah dan negeri masing-masing.⁶ Bagi menjamin kursus dapat dihayati sepenuhnya, setiap kumpulan dihadkan tidak melebihi 150 orang peserta. Kursus Haji Perdana yang diadakan pada bulan Syawal merupakan kemuncak bagi kursus haji sebelumnya apabila jemaah haji dikehendaki menjalani latihan praktikal menyamai suasana mengerjakan haji yang sebenar di Tanah Suci (*Berita Tabung Haji*, April 2005:2).

Bahagian Bimbingan Jabatan Haji turut menyediakan satu kurikulum mudah dan lengkap bagi kemudahan para penceramah. Muzakarah Ibadah Haji peringkat negeri dan kebangsaan telah berjaya meningkatkan bilangan tenaga penceramah dan menyelaraskan bahan ceramah bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan jemaah haji (Zainal Abidin, Yusof dan Mohd. Amin, 1993:358). Laporan Unit Pemodenan Tadbiran Awam Malaysia (MAMPU) tahun 1982 menetapkan supaya kerajaan negeri menyediakan tenaga pengajar pada peringkat negeri dan daerah masing-masing (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*). Lembaga Tabung Haji turut bekerjasama dengan pihak Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) bagi menyiarkan program bersiri *Panduan untuk Jemaah Haji* melalui televisyen. Rancangan tersebut disiarkan dalam tempoh sebulan sebelum jemaah haji bertolak ke Tanah Suci. Berikutnya permintaan yang begitu menggalakkan daripada orang

ramai, skrip rancangan tersebut turut disiarkan dalam *Berita Harian* dan *Harian Nasional* (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1983*).

Pihak LTH juga menerbitkan buku panduan yang bertujuan memberikan kefahaman yang mendalam kepada jemaah haji. Walaupun ada antara buku yang tidak boleh dibawa masuk ke Arab Saudi pada awalnya, masalah berkenaan berjaya diatasi setelah mendapat kelulusan rasmi daripada Kerajaan Arab Saudi. Bagi melahirkan jemaah haji yang bermaklumat, LTH telah mengambil inisiatif mengedarkan *Berita Jemaah Haji* buat julung kalinya pada tahun 1983. Risalah yang dicetak sebanyak 2000 naskhah setiap keluaran ini telah dicetak di Jeddah dan diedarkan kepada jemaah haji Malaysia di Makkah dan Madinah melalui pejabat zon (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1983*).

Pada 21 Disember 1983, Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji telah ditubuhkan bagi mengkaji hukum-hakam yang berkaitan dengan haji, umrah dan ziarah, serta memberikan nasihat berhubung dengan hal ehwal haji. Lembaga Tabung Haji telah mengambil inisiatif menghantar guru agama sebagai pakar rujuk bagi membantu jemaah haji di Tanah Suci (*Laporan Ketua Rombongan Haji, 1986*). Mereka ditugaskan memberikan ceramah dan bimbingan kepada jemaah haji di maktab jemaah haji, Arafah, Mina dan Madinah bagi membolehkan jemaah haji menunaikan ibadah haji dengan betul tanpa dicemari amalan bidaah dan khurafat akibat terikut-ikut dengan amalan jemaah haji negara lain (*Laporan Tahunan Jabatan Haji 1984*).

Bagi memantapkan lagi petugas haji, LTH dengan kerjasama Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Universiti Malaya, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia telah memperkenalkan Kursus Proses Menolong Jemaah Haji pada tahun 1982 yang memberikan latihan psikologi kepada 30 orang kakitangannya. Melalui kursus tersebut, mereka diberikan pengetahuan dan latihan bagi membantu jemaah haji menangani masalah tekanan jiwa akibat perbezaan suasana. Pada musim haji tahun 1984, seramai empat orang pegawai kaunseling telah ditempatkan di Tanah Suci, seorang di Jeddah, seorang di Madinah dan dua orang di Makkah (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*). Pada tahun berikutnya, sebuah unit kaunseling dianggotai oleh tujuh orang kakitangan LTH telah ditempatkan di Tanah Suci (*Berita Harian, 20 Mei 1985*).

Lembaga Tabung Haji juga telah menghantar pasukan perubatannya ke Tanah Suci pada setiap musim haji sebagai kesinambungan kepada usaha yang telah dimulakan semasa pemerintahan British di Tanah Melayu pada tahun 1949. Sebelum tertubuhnya Jawatankuasa Penasihat Hal Ehwal Haji, tiada sebuah badan khusus yang bertanggungjawab menjaga kebajikan jemaah haji, khususnya dari aspek perubatan (Zainal Abidin, Yusof dan Mohd. Amin, 1993:144, 146). Pada peringkat awal, anggota pasukan perubatan sangat kecil dan kurang pengalaman.

Perkhidmatan yang sempurna gagal diberikan berikutan kemudahan perubatan yang tidak mencukupi, keadaan penempatan yang menyedihkan dan kurangnya kerjasama daripada Kerajaan Arab Saudi. Pada tahun 1969, pasukan perubatan hanya terdiri daripada 34 orang anggota dengan kemudahan klinik sementara. Menjelang tahun 1984, seramai 178 orang kakitangan pasukan perubatan ditempatkan di Tanah Suci (McDonnell, 1986:501 dan *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*).⁷

Pada tahun 1978, buat julung kalinya, seorang pakar perubatan menyertai pasukan perubatan di Tanah Suci. Lima buah ambulans baharu telah dibeli bagi menambah kecekapan pasukan perubatan. Vitamin B Kompleks juga telah dibekalkan buat pertama kali kepada jemaah haji untuk kegunaan selama sebulan sebelum berangkat ke Tanah Suci dan sebulan di Tanah Suci. Langkah berkenaan berjaya membantu mengurangkan kadar kematian jemaah haji daripada 2 peratus pada tahun 1976 kepada 1.46 peratus pada tahun 1979 (*Laporan Rombongan Perubatan, 1979* dan *Laporan Ketua Rombongan Perubatan, 1983*).⁸ Penubuhan Hospital Malaysia di Aziziyah pada tahun 1979 yang boleh memberikan rawatan kepada 50 orang pesakit pada satu-satu masa telah memberikan kemudahan yang lebih baik kepada jemaah haji (*Laporan Rombongan Perubatan, 1979* dan *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1980*).⁹ Mulai musim haji tahun 1984, buat pertama kalinya dalam sejarah, hospital tersebut dibuka pada hari tasyrik (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*). Selain hospital tersebut, terdapat lima buah klinik Malaysia beroperasi di Tanah Suci, iaitu Klinik Ghazzah, Jeddah, Madinah, Mina dan Arafah.¹⁰ Demi menjamin keselesaan jemaah haji Malaysia, LTH telah menyediakan generator bagi menyediakan bekalan elektrik di Hospital Luar Arafah mulai musim haji tahun 1981. Penyediaan generator tersebut membolehkan penggunaan peti sejuk dan pendingin hawa digunakan di wad pesakit di Arafah. Bekalan ais yang dibekalkan telah membantu mengurangkan kadar kematian jemaah haji di hospital berkenaan (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1981*).

Selain itu, seorang anggota pasukan kebajikan telah dilantik sebagai Pegawai Perhubungan Hospital buat pertama kali pada tahun 1981. Beliau bertanggungjawab menyelaraskan masalah kebajikan jemaah haji yang sakit di klinik Ghazzah dan mengadakan lawatan ke Hospital Aziziyah setiap hari (*Laporan Rombongan Perubatan Malaysia ke Tanah Suci, 1980* dan *Laporan Rombongan Perubatan Malaysia, 1981*). Rekod kesihatan jemaah haji mula dibawa ke Tanah Suci mulai musim haji tahun 1982 bagi memastikan diagnosis yang cepat dan tepat dilakukan ke atas jemaah haji (McDonnell, 1986:554). Bagi menjamin keselamatan ibu dan kandungan, LTH tidak membenarkan wanita hamil lebih dari tiga bulan sewaktu pemeriksaan kesihatan meneruskan hasrat ke Tanah Suci. Kebanyakan wanita hamil sering menghadapi masalah turun darah, keguguran atau kelahiran tidak cukup

bulan. Selain itu, masalah yang melibatkan imigrasi juga wujud sekiranya bersalin di Tanah Suci (Laporan Ketua Rombongan Perubatan, 1983).

Pada tahun 1983, buat pertama kalinya, 50 peratus anggota pasukan perubatan terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan pernah bertugas di Tanah Suci. Perkara tersebut telah menyumbang kepada kelicinan pentadbiran dan perkhidmatan, sekali gus meninggikan tahap kecekapan kakitangannya. Hasilnya, kadar kematian telah berjaya diturunkan kepada 1.2 peratus pada tahun 1983. Mulai tahun tersebut juga semua anggota pasukan perubatan memakai lencana merah dan kakitangan wanitanya menutup aurat. Klinik zon atau pusat rawatan kecil telah dibuka di empat buah zon di Makkah dan tiga buah zon di Madinah.¹¹ Klinik zon banyak membantu jemaah haji yang tinggal di kawasan yang jauh dari klinik pusat dan banyak kes sakit tenat berjaya dikesan lebih awal (Laporan Ketua Rombongan Perubatan, 1983).

Ekoran itu, dua buah pusat pemulihan orang sakit telah ditubuhkan di Makkah dan Madinah pada tahun 1983. Pusat berkenaan berfungsi menempatkan jemaah haji yang telah keluar dari Hospital Arab Saudi tetapi belum pulih sepenuhnya. Di sini mereka diberikan rawatan dan makanan percuma sebelum dihantar ke maktab masing-masing apabila pulih sepenuhnya (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*). Pasukan perubatan turut menubuhkan pasukan peronda yang terdiri daripada pembantu hospital dan atendan. Kadangkala, mereka turut disertai pegawai perubatan. Kemudahan perkhidmatan panggilan ke rumah bagi kes sakit tenat juga diwujudkan. Namun begitu, perkhidmatan tersebut sering disalahgunakan oleh jemaah haji yang hanya menghadapi penyakit ringan (Laporan Rombongan Perubatan Malaysia ke Tanah Suci, 1980 dan Laporan Ketua Rombongan Perubatan, 1983).

Masalah yang sering membelenggu pasukan perubatan adalah untuk menangani kerenah jemaah haji Malaysia yang sering mengelak daripada mendapatkan rawatan dengan menyembunyikan diri setiap kali lawatan rumah ke rumah diadakan. Kebanyakan mereka bertindak sedemikian kerana bimbang akan ditahan di hospital atau dihantar pulang ke tanah air. Mereka sebenarnya tidak mendapat maklumat yang tepat bahawa jemaah haji yang sakit sebenarnya akan turut dibawa ke Arafah oleh pasukan perubatan agar mereka dapat menyempurnakan ibadah haji walaupun dalam keadaan yang lemah. Pasukan perubatan akan mendirikan klinik sementara dengan menggunakan dua buah khemah bagi menempatkan jemaah haji dari Hospital Aziziyah dan jemaah haji yang sakit di Arafah (McDonnell, 1986:498, 521).

Pasukan perubatan lazimnya akan bergandingan dengan pasukan kebajikan bagi mengendalikan jemaah haji di Tanah Suci. Konsep pasukan kebajikan yang ada pada hari ini merupakan kesinambungan daripada pelantikan pegawai kebajikan yang berkhidmat di atas kapal haji yang diperkenalkan pada tahun 1974 (McDonnell, 1986:498). Pasukan kebajikan ini terbahagi kepada tiga kumpulan yang ditempatkan

di Jeddah, Makkah dan Madinah. Mereka bertanggungjawab menunggu jemaah haji di lapangan terbang, menguruskan perkara yang melibatkan imigresen, kastam dan pengangkutan barangan jemaah haji, mengadakan rondaan berjadual ke penempatan jemaah haji, mencari jemaah haji yang hilang, membantu jemaah haji yang sesat, meneliti rungutan jemaah haji dan menasihati jemaah haji tentang penjagaan kesihatan, pertukaran wang, harga barangan dan cuaca. Mereka juga bertindak sebagai orang tengah yang menghubungkan jemaah haji Malaysia dengan LTH dan pihak berkuasa Arab Saudi (Laporan Ketua Rombongan Haji, 1979).

Bagi menangani rungutan tentang kekurangan pengalaman dalam kalangan kakitangannya, LTH telah menganjurkan satu kursus haji kepada petugas kebajikan mulai tahun 1976 (McDonnell, 1986:499). Menjelang tahun 1983, hampir 76 peratus anggota pasukan kebajikan terdiri daripada kakitangan yang berpengalaman (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*). Hasilnya, rungutan terhadap petugas haji semakin berkurangan dan perkhidmatan yang lebih baik dapat diberikan kepada jemaah haji. Mulai tahun 1977, kawalan jemaah haji di Tanah Suci telah diperkemas dengan mewujudkan tujuh pasukan petugas haji yang bertanggungjawab terhadap kawasan penempatan jemaah haji Malaysia.¹² Mereka dikehendaki menghadiri taklimat harian di Pejabat LTH di Makkah pada setiap hari pada pukul 8.00 pagi. Selepas taklimat, semua petugas berkenaan dikehendaki melawat kawasan masing-masing sehingga pukul 11.00 pagi. Selepas solat asar, lawatan diadakan sekali lagi sehingga pukul 10.00 malam (Laporan Ketua Rombongan Haji, 1977).¹³

Mulai tahun 1975, LTH telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pelaksanaan Dam bagi memudahkan jemaah haji Malaysia menyempurnakan dam masing-masing. Pada peringkat awal, khidmat penuntut Malaysia digunakan bagi urusan berkenaan. Namun begitu, mulai tahun 1977, semua urusan tersebut dijalankan oleh ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Dam (Zainal Abidin, Yusof dan Mohd. Amin, 1993:141). Pada tahun 1983, kadar harga bagi satu dam dengan sembelihan lembu yang dikongsi oleh tujuh orang ditetapkan sebanyak SR350.00.¹⁴ LTH juga tidak lagi menggunakan khidmat penuntut Malaysia di Arab Saudi sebagai pemandu atau pembantu jemaah haji Malaysia berikutan peraturan Kerajaan Arab Saudi yang menegah pelajar bekerja dengan agensi kerajaan atau swasta pada musim haji bagi memperoleh upah (*Utusan Malaysia*, 31 Oktober 1980).

Lembaga Tabung Haji juga telah menawarkan perkhidmatan penyembelihan korban di Tanah Suci mulai tahun 1984 bagi 405 orang jemaah haji Malaysia yang memohon dengan kadar bayaran SR350.00 seorang (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*). Perkhidmatan upah haji juga telah dilaksanakan dengan upah sebanyak RM1200.00 seorang (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*).¹⁵ Lembaga Tabung Haji juga telah mengambil inisiatif mengadakan peti sahara

seragam bagi jemaah haji Malaysia mulai tahun 1974 dengan harga RM75.00 sebuah. Tujuan mengadakan peti sahara berkenaan adalah untuk mengurangkan perbelanjaan pengangkutan, menyenangkan jemaah haji sepanjang pelayaran atau penerbangan, dan ketika melalui pemeriksaan kastam dan imigresen di Jeddah. Walau bagaimanapun, mulai tahun 1976, peti sahara berkenaan tidak lagi disediakan berikutan sambutan yang tidak begitu menggalakkan (“Peti Sahara” dlm. Fail LUTH 45).¹⁶

Dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada jemaah haji, LTH telah memperkenalkan Sistem Amir pada tahun 1984. Amir yang dilantik oleh kumpulannya akan memimpin sekumpulan 40 orang jemaah haji dan menjaga kebajikan mereka sejak dari Malaysia lagi. Terdapat juga Amir yang dilantik mengetuai sekumpulan jemaah haji bagi sebuah bas yang bertolak dari Jeddah sehingga kembali semula ke Jeddah. Lembaga Tabung Haji hanya berhak mencadangkan calon yang difikirkan layak sekiranya tiada tokoh yang sesuai, tetapi dengan persetujuan jemaah haji. Seseorang Amir yang dilantik sebaik-baiknya terdiri daripada mereka yang berpengalaman menunaikan haji dan boleh berbahasa Arab. Namun begitu, mulai tahun 1986, sistem Amir tidak lagi diteruskan berikutan timbulnya pelbagai masalah dan rungutan dalam kalangan jemaah haji disebabkan segelintir Amir menjadikan urusan haji sebagai satu bentuk perniagaan peribadi (*Berita Harian*, 6 Mac 1984).¹⁷

Menjelang tahun 1975, LTH telah memperkenalkan penggunaan sistem komputer, kecuali bagi urusan pengeluaran wang simpanan bagi memastikan sistem pengurusan menjadi lebih efisien. Bahagian Khidmat Komputer diwujudkan pada tahun 1982 bagi meningkatkan keupayaan pengendalian urusan di Makkah dan Madinah secara berkomputer (Zainal Abidin, Yusof dan Mohd. Amin, 1993:203). Bagi memberikan kemudahan kepada jemaah haji di Tanah Suci, teutamanya mereka yang kehilangan wang, LTH telah menawarkan perkhidmatan pengeluaran wang simpanan di Makkah mulai tahun 1976. Jemaah haji boleh mengeluarkan wang simpanan di pejabat LTH Makkah dengan membawa lencana nama dan kad pengenalan atau pasport haji. Proses pengeluaran akan mengambil masa seminggu dan pengeluaran dihadkan sebanyak dua kali, iaitu sebelum 7 Zulhijah dan selepas 15 Zulhijah (“Urusan Haji Tahun 1980” dlm. Fail LUTH/UH (05)).

Buat pertama kalinya pada tahun 1982, jemaah haji Malaysia dapat mengeluarkan wang simpanan mereka di Pejabat LTH Madinah. Sistem panggilan secara digital telah diperkenalkan di kaunter pengeluaran simpanan mulai tahun 1983 dengan enam orang petugas sepenuh masa (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1982* dan *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1983*). Perangkaan pengeluaran wang jemaah haji di Tanah Suci ditunjukkan dalam Jadual 3.

Pada tahun 1974, sebuah tabung kecemasan telah ditubuhkan bagi memberikan

kemudahan pinjaman kepada jemaah haji di Tanah Suci yang menghadapi kecemasan atau keputusan wang. Pada tahun 1974, pinjaman sebanyak RM98,924.30 telah diberikan kepada jemaah haji kerana lonjakan mendadak harga barangan dan keperluan hidup menyebabkan jemaah haji keputusan wang perbelanjaan. Wang berkenaan juga digunakan untuk membekalkan makanan dan minuman kepada mereka yang ditimpa kemalangan atau sesat dan bagi menguruskan jemaah haji swasta yang terkandas (Zainal Abidin, Yusof dan Mohd. Amin, 1993:181). Pada tahun 1977, nama tabung tersebut ditukar kepada Tabung Kebajikan Jemaah Haji. Dua tahun kemudian, tabung tersebut telah ditukar namanya sekali lagi kepada Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1977; Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1978* dan Fail LTH Pasir Mas, 03/1).

Jadual 3 Pengeluaran wang simpanan jemaah haji di Tanah Suci, 1977–1983.

Tahun	Bilangan Jemaah Haji	Jumlah Pengeluaran
1977	503	RS338 396.22
1978	547	RS385 917.06
1979	1418	RS1 174 759.59
1980	2003	RS1 579 147
1981	5681	RS4 889 100
1982	6392	RS7 260 120.09
1983	7623	RS9 232 581.65

(*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji, 1977–1983*)

Jadual 4 Kes pinjaman Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia di Tanah Suci 1978–1985.

Tahun	Kes	Pinjaman	Tahun	Kes	Pinjaman
1978	5	-	1986	83	RM26 605
1979	33	-	1987	69	RM24 574
1980	42	RM12 933.21	1988	53	RM17 849
1981	161	RM46 333	1989	130	RM22 557
1982	37	RM12 279.12	1990	40	RM9344
1983	88	RM22 645.22	1991	34	RM12 630.80
1984	250	RM94 975	1992	3	RM1153.84
1985	79	RM26 753	1993	63	RM23 627.46

(*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji, 1978–1985*)

Sebanyak 250 kes pinjaman telah direkodkan pada tahun 1984 berjumlah RM94 975 seperti dalam Jadual 4.

Lembaga Tabung Haji juga sejak sekian lamanya mempunyai sistem pengendalian bagi menguruskan kematian jemaah haji, memaklumkan waris si mati di tanah air dan mengembalikan harta peninggalan si mati kepada warisnya. Jabatan Pendaftaran Negara telah menghantar dua orang pegawainya bersama-sama dengan rombongan haji mulai musim haji tahun 1974 bagi memudahkan urusan pendaftaran kelahiran dan kematian di Tanah Suci. Bagi memudahkan urusan pendaftaran kematian di Hospital Malaysia, lapan orang pegawai perubatan Malaysia telah digazetkan sebagai Pendaftar Kematian mulai tahun 1977. Tindakan tersebut telah melicinkan urusan pendaftaran dan mengatasi masalah kematian yang tidak dilaporkan seperti tahun sebelumnya (Laporan Ketua Rombongan Haji, 1977).¹⁸ Mulai tahun 1984, pihak Pendaftar Kematian akan menghubungi pihak Muassasah bagi menguruskan pengebumian jenazah. Segala urusan jenazah oleh Muassasah bagi pihak LTH dikenakan bayaran yang ditanggung oleh waris si mati. Hanya urusan kematian di Jeddah akan dibiayai oleh Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia di Tanah Suci (Zainal Abidin, Yusof dan Mohd. Amin, 1993:140).¹⁹

Kemudahan Perkhidmatan Pertukaran Wang Riyal Saudi dan Ringgit Malaysia pula telah diperkenalkan oleh LTH pada tahun 1979 bagi membantu jemaah haji mendapatkan kadar pertukaran yang baik.²⁰ Pada tahun 1984, LTH telah membeli sebanyak SR106.71 juta untuk kegunaan jemaah haji dan urusan haji. Setelah ditolak kos, jemaah haji dikenakan kadar RM100.00 = SR152.50 berbanding dengan kadar dalam pasaran RM100.00 = SR145.00. Sehubungan dengan itu, LTH telah berjaya menjimatkan lebih kurang RM3.44 juta wang jemaah haji Malaysia (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*).

Dari aspek kemudahan pengangkutan ke Tanah Suci, LTH telah mengumumkan bahawa tiada lagi perkhidmatan kapal laut mulai tahun 1977 memandangkan permintaan terhadapnya menurun kepada 460 orang sahaja (*Berita Harian*, 28 Jun 1977). Permintaan yang meningkat terhadap perkhidmatan udara telah menyebabkan pertambahan jumlah kapal terbang dan bilangan penerbangan, serta kerja menaik taraf lapangan terbang transit (McDonnell, 1986:496). Pada musim haji tahun 1973/74, kapal terbang asing yang disewa khas telah ditamatkan perkhidmatannya dan MAS telah diberikan mandat menguruskan penerbangan haji dari Malaysia. Sebelum tahun 1975, kapal terbang yang digunakan untuk penerbangan haji disewa khas daripada syarikat penerbangan swasta. Menjelang tahun 1980, terdapat 38 buah penerbangan menggunakan dua buah pesawat DC-10 dari empat buah negeri.²¹

Mulai tahun 1979, Kerajaan Singapura telah membenarkan pesawat MAS mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Singapura, Paya Lebar untuk

mengambil jemaah haji dari Johor (McDonnell, 1986: 497, 550).²² Pada tahun 1981, sebanyak 59 buah penerbangan menggunakan pesawat DC-10 dan 737 membawa jemaah ke Makkah sepanjang tiga hari penerbangan berturut-turut. Lembaga Tabung Haji telah bekerjasama dengan MAS mengadakan penerbangan dalam negeri bagi membawa jemaah haji dari Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuantan, Ipoh dan Melaka ke Lapangan Terbang Subang, serta jemaah haji dari kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak ke Kota Kinabalu dan Kuching. Tambang khas dengan potongan 25 peratus untuk harga tiket diberikan kepada jemaah haji dan bagi mereka yang berusia lebih 55 tahun, potongan sebanyak 50 peratus diberikan (*Berita Minggu*, 5 Ogos 1979).

Penerbangan terus dari Bayan Lepas dan Singapura diadakan buat julung kalinya pada tahun 1978 (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1978*). Bagi melicinkan proses pemergian jemaah haji ke Tanah Suci, mulai tahun 1982, operasi daftar masuk fasa 1 bagi jemaah haji dari Lapangan Terbang Subang telah diadakan di Kompleks Jemaah Haji Kelana Jaya.²³ Sistem warna pada pas berlepas juga telah berjaya memberikan kemudahan kepada jemaah haji semasa berada di dewan berlepas, sewaktu menaiki bas dan menentukan kawasan tempat duduk masing-masing di dalam pesawat. Konvoi bas yang membawa jemaah haji dari kompleks ke Terminal II, Lapangan Terbang Subang diiringi pasukan polis bermotosikal bagi memastikan kelancaran perjalanan jemaah haji (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*). Pada tahun 1982, MAS memperkenalkan Kuching sebagai lapangan terbang untuk penerbangan terus ke Jeddah dan penerbangan terus dari Kota Bharu telah dirancang pada tahun 1983 (McDonnell, 1986:497).

Perubahan pengangkutan haji daripada kapal laut kepada kapal terbang telah memberikan implikasi yang besar kepada kawasan Lebuh Aceh dan kawasan sekitarnya yang sebelum ini bertindak sebagai pusat pengumpulan jemaah haji terbesar di bahagian utara semenanjung tanah air. Kawasan yang dahulunya pernah digelar “Jeddah Kedua” dan lubuk perniagaan bagi orang Melayu sepanjang berlangsungnya musim haji, kini lengang seperti “hidup segan mati tak mahu”. Ekonomi orang Melayu sudah tentu sedikit terjejas dengan perubahan yang berlaku kerana tiada lagi suasana meriah seumpama pesta beli-belah seperti yang lazimnya berlaku setiap tahun sebelum ini. Namun begitu, bagi setiap perubahan yang berlaku tentunya ada pihak yang mendapat keuntungan dan ada pihak yang mengalami kerugian.

Lembaga Tabung Haji juga telah meminta kerjasama syeikh haji memasang bendera Malaysia di pekarangan tempat kediaman jemaah haji Malaysia bagi memudahkan petugas haji menghantar jemaah haji yang sesat dan dikeluarkan dari hospital. Namun begitu, mulai tahun 1980, Kerajaan Arab Saudi tidak membenarkan

petugas haji mengibarkan bendera Malaysia semasa melakukan rondaan sebagai langkah keselamatan berikutan peristiwa pencerobohan Masjidil Haram pada tahun sebelumnya (Zainal Abidin, Yusof dan Mohd. Amin, 1993:240–41). Cadangan telah dikemukakan agar pada tahun berikutnya, petugas haji menggunakan pita lengan atau payung khas bagi memudahkan jemaah haji Malaysia mengenali petugas LTH (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1980*).

Lembaga Tabung Haji bukan sahaja menawarkan perkhidmatan haji kepada warganegara Malaysia tetapi melebarkan peranannya dengan memberikan kemudahan perkhidmatan haji kepada negara anggota Majlis Dakwah Islamiyah Serantau Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP). Hanya skim simpanan wangnya dikhususkan kepada warganegara Malaysia dan pemastautin tetap beragama Islam. Jemaah haji bukan warganegara Malaysia boleh menggunakan perkhidmatan LTH dengan membayar perbelanjaan haji secara sekali gus sekiranya permohonan mereka diluluskan. Kemudahan berkenaan ditawarkan atas kesedaran bahawa sukarnya golongan minoriti umat Islam di rantau Asia Pasifik mengerjakan haji secara bersendirian. Sejak diperkenalkan pada tahun 1981, dianggarkan seramai 100 hingga 200 jemaah haji, terutamanya dari Australia dan Fiji menunaikan fardu haji melalui LTH. Jemaah haji Hong Kong mula menggunakan kemudahan yang disediakan oleh LTH buat pertama kali pada tahun 1989. Menjelang tahun 1984, seramai 135 orang jemaah haji daripada 12 buah negara telah menggunakan kemudahan yang disediakan oleh LTH (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*).

Pihak LTH juga turut mengadakan rundingan demi rundingan dengan Kerajaan Arab Saudi bagi menjalinkan kerjasama erat antara kedua-dua negara, sekali gus mendapat pelbagai keistimewaan dan kemudahan demi keselesaan jemaah haji Malaysia. Setiap tahun, satu rombongan kakitangan LTH akan dihantar ke Arab Saudi pada bulan Safar atau Rabiulawal bagi meninjau hal ehwal urusan haji untuk musim haji berikutnya. Dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan dan mengenal pasti kelemahan yang wujud dalam pengurusan haji, LTH telah menganjurkan post-mortem pada akhir setiap musim haji mulai tahun 1981 (*Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*).

KESIMPULAN

Penubuhan LTH telah membuktikan keprihatinan kerajaan memberikan kemudahan kepada orang Melayu menyimpan secara berdikit-dikit untuk menunaikan ibadah haji tanpa perlu lagi menjual harta benda dan mengalami kesempitan hidup sekembalinya dari Tanah Suci Makkah. Lembaga Tabung Haji bukan sahaja bertanggungjawab

memelihara kebajikan jemaah haji dari aspek kesihatan, pengangkutan, dan penginapan tetapi juga berusaha melindungi jemaah haji daripada sebarang bentuk penipuan dan eksploitasi pelbagai pihak. Pelbagai kesulitan yang dialami oleh orang Melayu untuk merealisasikan cita-cita menunaikan ibadah haji turut mengalami perubahan secara beransur-ansur dengan pelaksanaan sistem pengurusan haji yang lebih sistematik dan teratur. Pendedahan dan bimbingan yang diberikan oleh LTH kepada jemaah haji Malaysia, khususnya orang Melayu telah menyebabkan banyak unsur bidaah dan khurafat yang berkaitan dengan ibadah haji berjaya ditinggalkan, meskipun tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dan perlu diberikan perhatian.

NOTA

- 1 Perbelanjaan haji menggunakan sumber pendapatan yang halal banyak disebut dalam hadis Nabi SAW. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Jika seseorang itu keluar untuk menunaikan fardu haji dengan nafkah yang baik, iaitu halal, dan ketika dia meletakkan kakinya pada kenderaan untuk menaikinya dan menyeru *Labbaikallahummalabbaik*, dari langit ada yang akan menjawab, “Seruan kamu diterima dan bahagialah kamu, bekalanmu itu halal, kenderaanmu halal, dan haji kamu mabrur tidak dicampuri dosa”. Sebaliknya jika seseorang itu keluar menunaikan haji dengan perbelanjaan yang haram dan kotor, maka ketika dia menyeru *Labbaikallahummalabbaik*, maka dijawab suara dari langit, “Tidak diterima seruanmu dan tidak ada kebahagiaan bagimu, bekalanmu haram, perbelanjaanmu haram dan haji kamu ditolak”. Lihat Muhammad Zakariyya Sharanpur, 1993. *Fadhilat Haji (Kelebihan Haji)*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, hlm. 94–95.
- 2 Pada tahun 1982, seorang penduduk Kemaman, Terengganu pernah mengemukakan permohonan untuk mencagarkan tanah seluas lapan ekar bergeran dan tanah lot getah bernilai RM7000 seekar kerana ingin mencukupkan wang perbelanjaan haji untuk tiga beranak. Permohonan berkenaan telah ditolak oleh LTH kerana LTH tidak menyediakan kemudahan pinjaman dengan cagaran untuk ke Makkah. Tugas LTH adalah untuk membantu orang Melayu menyimpan secara beransur-ansur bagi tujuan haji. Lihat “Urusan Haji 1980–1981” dlm. Fail LUTH/TR/2-1 Jld. 1, Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu dan Pahang).
- 3 Kemosrotan mendadak jumlah pendeosit adalah berikutan perubahan drastik Sistem Syeikh di Tanah Suci pada tahun 1975 kerana jemaah haji tidak dibenarkan memilih sendiri syeikh haji mereka. Peraturan baharu berkenaan tidak mendapat sambutan dalam kalangan jemaah haji kerana menyebabkan perpecahan dalam kalangan anggota keluarga dan sahabat handai. Kegawatan ekonomi dunia juga menaikkan kadar tambang pengangkutan udara pada tahun berkenaan. Harga barangan yang melonjak naik di Arab Saudi juga turut menaikkan kadar perbelanjaan haji daripada RM1500 kepada RM2800 seorang.
- 4 Mulai keluaran tahun 1982, *Berita Tabung Haji* telah ditambah daripada 3000 kepada 5000 naskhah. Naskhah tersebut telah ditambah cetakannya kepada 8000 naskhah menjelang tahun 1984. Lihat *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1982, 1984*.
- 5 McDonnell, Mary Byrne, 1986. “*The Conduct of Hajj From Malaysia and Its Socio-Economic Impact on Malay Society: A Descriptive and Analytical Study, 1860–1981*”. Disertasi PhD.

- 6 Kursus haji telah mula dianjurkan sejak tahun 1967 oleh Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji. Sebelum itu, segala urusan bimbingan haji diusahakan sendiri oleh jemaah haji atau dianjurkan oleh Jawatankuasa Penasihat Hal Ehwal Haji. Sejak tahun 1950 lagi, jawatankuasa berkenaan telah mengambil inisiatif menyediakan guru agama di dalam kapal haji bagi memberikan pengetahuan asas kepada jemaah haji sepanjang pelayaran. Lihat Zainal Abidin, Yusof dan Mohd. Amin (1993:136).
- 7 Mereka terdiri daripada kakitangan Kementerian Kesihatan, Hospital Universiti, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia dan LTH.
- 8 Antara penyakit utama yang sering dihadapi oleh jemaah haji Malaysia ialah penyakit saluran pernafasan (*bronchitis*); penyakit kejutan panas dan keletihan panas (*heat stroke/heat exhaustion*); penyakit akibat penggunaan tenaga berlebihan dalam cuaca panas, naik turun tangga, mendaki bukit dan aktiviti berlebihan; penyakit kulit (pecah bibir/pecah tumit/gatal kulit); penyakit sistem vaskular darah (darah tinggi); dan penyakit mata, hidung dan tekak.
- 9 Selain dilengkapi dengan mesin x-ray, hospital tersebut turut dilengkapi dengan kemudahan makmal klinikal dan makmal kajian biokimia yang diselenggarakan oleh seorang juruteknologi makmal. Perkhidmatan bas percuma lima kali sehari yang menghubungkan Hospital Aziziyah dan Klinik Ghazzah juga memberikan kemudahan kepada pasukan perubatan dan jemaah haji.
- 10 Klinik yang mempunyai hampir 57 orang kakitangan ini terletak berdekatan dengan Masjidil Haram untuk rawatan pesakit luar. Selain dilengkapi kemudahan x-ray, klinik berkenaan juga mempunyai makmal klinikal, dispensari dan bilik kecemasan. Klinik ini dibuka dari pukul 7.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan pukul 4.00 petang hingga 6.00 petang. Rawatan kecemasan juga diberikan 24 jam setiap hari. Klinik Jeddah yang terletak di Lapangan Terbang King Abdul Aziz, Jeddah menawarkan rawatan bagi pesakit luar 24 jam setiap hari. Terdapat dua pasukan bertugas secara bergilir-gilir dari pukul 7.00 pagi hingga 7.00 malam dan dari pukul 7.00 malam hingga 7.00 pagi. Klinik Madinah menyediakan perkhidmatan pesakit luar yang dibuka secara rasmi pada 19 Ogos 1983 dengan 35 orang kakitangan tetap. Klinik Arafah dibuka 30 jam dalam setahun dan segala perkhidmatan dilakukan di dalam khemah. Pada tahun 1980, empat buah khemah bertiang tiga digunakan sebagai klinik. Sebuah khemah dijadikan sebagai bilik doktor, sebuah khemah untuk wad kecemasan, serta dua buah khemah untuk wad lelaki dan perempuan. Namun begitu, menurut peraturan Kerajaan Arab Saudi, hospital dan klinik Malaysia hanya dibenarkan menangani kes rawatan pesakit luar dan dalam. Sebarang kes penyakit berjangkit, pembedahan, perbidanan dan sakit puan harus dirujuk ke Hospital Arab Saudi. Mulai tahun 1979, LTH telah merujuk semua kes pembedahan ke hospital persendirian Dr. Baksh di Jeddah kerana rawatannya yang sangat memuaskan. Lihat Laporan Rombongan Perubatan Malaysia ke Tanah Suci, 1980; Laporan Ketua Rombongan Perubatan, 1983; dan *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*.
- 11 Klinik zon dibuka dari pukul 7.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, 4.30 petang hingga 6.30 petang dan 8.30 malam hingga 10.00 malam. Klinik zon di Makkah: Zon 1 – Kawasan Syamiah/Misfalah/Garah: rumah Syeikh Mohd. Taib Kamar; Zon 2 – Kawasan Ajiad: rumah Syeikh Ismail Shabanah; Zon 3 – Kawasan Suuq al-Lail: rumah Syeikh Jamal Rawa; dan Zon 4 – Kawasan Shuib Ali/Shuib Amir: rumah Syeikh Mohd. Taha Filfilan. Sementara itu, Klinik zon

- di Madinah: Zon 1 – rumah Dalil Abuljud, Zon 2 – rumah Dalil Abdullah Tasaji, dan Zon 3 – rumah Dalil Mustaffa Ilyas.
- 12 Pasukan A: Kg. Qashashiah Atas, Qashashiah Bawah dan Shuib Ali; Pasukan B: Kg. Suqullail, Manshiah, Sughagul Wasir dan Mudda'a; Pasukan C: Kg. Qarah dan Syamiah; Pasukan D: Kg. Jiyad, Mesfalah, Sugul Saghir dan Jabal Safa; Pasukan E: Kg. Qazzah dan Shuib Amir; Pasukan F: Kg. Jarual, Shubaikah dan Jabal Kaabah; dan Pasukan G: khas untuk jemaah haji Sabah.
 - 13 Tujuh pasukan petugas haji ini ditugaskan memastikan keselesaan jemaah haji, memastikan jemaah haji yang sakit mendapat rawatan daripada pasukan perubatan, menyampaikan sebarang aduan jemaah haji kepada pihak yang bertanggungjawab, menentukan jemaah haji berangkat ke Arafah dan Mina bersama-sama syeikh haji mereka, memaklumkan tarikh kepulangan ke tanah air kepada jemaah haji, serta memastikan wang dan harta benda jemaah haji dipungut dan dihantar ke baitulmal atau ke pejabat LTH.
 - 14 Daripada jumlah SR350, SR69.29 telah dikembalikan kepada pembayar dam. Jumlah berkenaan lebih murah berbanding dengan jumlah yang dikenakan oleh maktab, iaitu antara SR350–SR400.
 - 15 Namun begitu, LTH telah menghentikan perkhidmatan tersebut mulai tahun 1986 memandangkan urusan melaksanakan upah haji amat rumit.
 - 16 Peti Sahara berkenaan dilengkapi dengan 10 gantang beras, enam kati gula, satu tin kecil minyak kelapa, tiga tin sardin, enam tin kari ikan kembung, dua tin sambal udang, dua tin sambal ikan bilis, satu botol kicap, 10 bungkus serbuk rempah, 12 bungkus Ajinomoto, 40 bungkus kopi dan susu segera, ½ kati serbuk kopi dan satu tin seri kaya.
 - 17 Aduan pernah dibuat oleh seorang jemaah haji terhadap Amir kumpulannya yang meminta bayaran sebanyak RM200 sebelum dibenarkan menaiki bas. Beliau tidak dibenarkan menaiki bas apabila enggan berbuat demikian, walaupun barang-barangnya telah berada di dalam bas. Lihat juga “Maklumat Haji” dlm. Fail LUTH, T429/352/1 Jld 1, Arkib Negara Cawangan Terengganu dan Pahang.
 - 18 Setiap laporan kematian harus dikemukakan kepada Pendaftar Kematian LTH di Makkah. Sebarang kematian di Arafah, Muassim dan Mina hanya perlu dilaporkan terlebih dahulu kepada Pendaftar Kematian melalui telefon dan borang hanya perlu diisi kemudian. Pengurusan jenazah di Madinah pula diuruskan oleh Muassasah Adilla'.
 - 19 Bayaran yang dikenakan bagi pengurusan jenazah di Tanah Suci pada tahun 1983 ialah RS105. Bayaran berkenaan telah meningkat kepada RS300–RS500 menjelang tahun 1985. Bagi jenazah yang disolatkan di Masjidil Haram pada tahun 1983 dikenakan bayaran antara SR500–SR600 dan SR300–SR400 bagi Masjid Nabawi.
 - 20 Pada tahun 1979, kadar pertukaran mata wang ialah SR146.50 = RM100. Lihat *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1979*.
 - 21 Negeri tersebut ialah Wilayah Persekutuan, Kota Kinabalu, Pulau Pinang dan Senai.
 - 22 Pada tahun sebelumnya, jemaah haji Johor yang enggan ke Subang terpaksa menyewa sebuah kapal terbang Syarikat Penerbangan Singapura untuk ke Jeddah.
 - 23 Kompleks berkenaan siap dibina pada 16 Jun 1982 dan mula digunakan bagi penerbangan pertama pada 26 Ogos 1982.

RUJUKAN

- Abdul Kadir Haji Din, "Economic Implications of Moslem Pilgrimage from Malaysia" dlm. *Contemporary Southeast Asia* 4:1, Jun 1982.
- Awang Had Saleh, 1975. "Modern Concept of Hajj Management The Experience of Malaysia" dlm. Ziauddin Sardar dan Mohammed Aboulkhair Zaki Badawi (ed.). *Hajj Studies*. Jilid 1. London: Croom Helm.
- David Lim, 1973. *Economic Growth and Development in West Malaysia, 1947–1970*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- "Urusan Haji 1980–1981" dlm. Fail LUTH/TR/2-1 Jld. 1. Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu dan Pahang.
- "Peti Sahara" dlm. Fail LUTH 45. Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu dan Pahang.
- "Maklumat Haji" dlm. Fail LUTH, T429/352/1 Jld 1. Arkib Negara Cawangan Terengganu dan Pahang.
- "Urusan Haji Tahun 1980" dlm. Fail LUTH/UH (05). Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu dan Pahang.
- "Urusan Haji 1975/76" dlm. Fail LUTH Pasir Mas, 03/1. Arkib Negara Malaysia Cawangan Kelantan.
- Joni Tamkin Borhan dan Che' Zarrina Sa'ari, "The Role of Tabung Haji as a Deposit Mobilizer of Muslims in Malaysia, 1969–1990: A Historical Approach" dlm. *Jurnal Al-Tamaddun* 1, Disember 2005.
- "Khidmat baru untuk jemaah di Tanah Suci, Tabung Haji gunakan Sistem Amir" dlm. *Berita Harian*, 6 Mac 1984.
- "Kursus Haji 1426H Bermula" dlm. *Berita Tabung Haji*, April 2005.
- Lembaga Tabung Haji, 1977. *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1977*. Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Lembaga Tabung Haji, 1978. *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1978*. Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Lembaga Tabung Haji, 1979. *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1979*. Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Lembaga Tabung Haji, 1980. *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1980*. Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Lembaga Tabung Haji, 1981. *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1981*. Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Lembaga Tabung Haji, 1982. *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1982*. Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Lembaga Tabung Haji, 1983. *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1983*. Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Lembaga Tabung Haji, 1984. *Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 1984*. Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.

- Lembaga Tabung Haji, 1979. "Laporan Rombongan Perubatan 1979". Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Lembaga Tabung Haji, 1980. "Laporan Rombongan Perubatan 1980". Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Lembaga Tabung Haji, 1981. "Laporan Rombongan Perubatan 1981". Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Lembaga Tabung Haji, 1983. "Laporan Rombongan Perubatan 1983". Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Lim Teck Ghee, 1977. *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- "LUTH tak guna pelajar memandu bakal-bakal haji" dlm. *Utusan Malaysia*, 31 Oktober 1980.
- McDonnell, Mary Byrne, 1986. *The Conduct of Hajj From Malaysia and Its Socio-Economic Impact on Malay Society: A Descriptive and Analytical Study, 1860-1981*. Disertasi PhD. Columbia University.
- "Muassasah Asia sedia makanan bagi jemaah haji" dlm. *Berita Harian*, 20 Mei 1985.
- Muhammad Saleh Haji Awang (Misbaha), 1986. *Haji di Semenanjung Malaysia Sejarah dan Perkembangannya Sejak Tahun 1300-1405H (1886-1985M)*. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Trengganu Sdn. Bhd.
- Muhammad Zakariyya Sharanpur, 1993. *Fadhilat Haji (Kelebihan Haji)*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Nancy Nash, "Pilgrims' Progress, Asian Style" dlm. *Far Eastern Economic Review* 102:46, 17 November 1978.
- Radiah Abdul Kader, 1991. "The Malaysian Pilgrims Management and Fund Board and Resource Mobilization" dlm. Mohamed Ariff (ed.). *The Islamic Voluntary Sector in Southeast Asia*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- "Tabung Haji Perlis Banyak Selamatkan Harta Tergadai" dlm. *Utusan Melayu*, 11 November 1977.
- "Tak Ada Kapal Laut ke Tanah Suci Tahun Ini" dlm. *Berita Harian*, 28 Jun 1977.
- Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid, 24 Januari 1962. "Pilgrims Economy Improvement Plan" dlm. *Cmd 22 of 1962, Report of the Pilgrims Economic Welfare Committee*. Kuala Lumpur.
- "345 Jemaah Johor ke Mekah dari Singapura" dlm. *Berita Minggu*, 5 Ogos 1979.
- Zainal Abidin Abd. Wahid, Yusof Ibrahim dan Mohd. Amin Hassan, 1993. *Sejarah Perkembangan Tabung Haji 30 Tahun*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, hlm. 136.